

03/06/1999

Jepun puji terbitan bon Malaysia

Mahfar Ali in Tokyo

TOKYO, Rabu - Jepun menganggap terbitan Bon Global 10 tahun oleh Malaysia minggu lalu sebagai satu kejayaan yang sukar dicapai.

Naib Menteri Kewangan bagi Hal Ehwal Antarabangsanya, Eisuke Sakakibara berkata walaupun terbitan bon AS\$1 bilion itu (RM3.8 bilion) satu usaha sukar, Malaysia berjaya melaksanakannya.

"Tiada siapa menyangka Malaysia kembali ke pasaran swasta enam bulan lalu, tetapi kini ia kembali dengan jayanya," katanya kepada pemberita selepas menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam pertemuan itu, Sakakibara, yang turut dikenali sebagai 'Mr Yen' kerana berpengaruh dalam pasaran tukaran asing, mengucapkan tahniah kepada Dr Mahathir kerana kejayaan Malaysia menerbitkan bon itu.

Sakakibara berkata, kejayaan terbitan bon itu membuktikan kritikan sesetengah pihak, terutama terhadap dasar kawalan tukaran asing yang dilaksanakan Malaysia, ternyata meleset.

Di New York minggu lalu, Malaysia mencatatkan lebih 300 peratus dalam terbitan bonnya itu, iaitu terbitan bon kedaulatan pertama bagi Malaysia sejak 1990.

Perdana Menteri, yang dalam rangka lawatan kerja seminggu ke Jepun tiba di sini dari Nagoya, pagi ini. Beliau turut diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Sakakibara juga berkata, Jepun bangga mempertahankan dasar kawalan modal terpilih yang diterima pakai oleh Malaysia.

"Dasar-dasar yang sudah diambil oleh Dr Mahathir, terutama kawalan modal (yang) dikecam hebat oleh masyarakat antarabangsa ketika itu tetapi dasar itu kini terbukti berjaya," katanya.

Menurut Sakakibara, beliau teguh mempertahankan dasar Malaysia kerana percaya dalam kes darurat, tindakan seumpama adalah wajar.

"Dalam keadaan terdesak, dasar seumpama memang boleh diamalkan. Kita gembira kerana pendapat kami benar. Kami gembira kami betul dan Malaysia betul," katanya.

Sakakibara juga memberi jaminan bahawa Jepun akan terus membantu mengukuhkan lagi ekonomi Malaysia menerusi pelan kedua Miyazawa yang akan dilancarkan tidak lama lagi.

Pelan bertujuan membantu negara Asia yang terjejas oleh krisis ekonomi itu membabitkan terbitan bon kedaulatan bernilai AS\$17 bilion.

Menurutnya, dalam pertemuan setengah jam itu, beliau mengambil kesempatan menjelaskan pelan berkenaan kepada Dr Mahathir.

"Dr Mahathir berminat dan kita boleh melaksanakannya," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir dalam pertemuan dengan pengarang media Jepun selepas itu berkata, beliau berterima kasih kepada kerajaan Jepun kerana banyak membantu Malaysia sewaktu krisis ekonomi menerusi pelan Miyazawa.

Menurutnya, dalam pertemuan dengan Sakakibara, beliau turut mengambil kesempatan bertukar pandangan berhubung pelbagai perkara.

Dalam pertemuan hampir sejam dengan pengarang media Jepun, Dr Mahathir juga menjelaskan mengenai dasar kawalan tukaran mata wang yang diperkenalkan Malaysia.

Perdana Menteri berkata, pelbagai pihak kurang faham mengenai dasar itu hingga mendakwa Malaysia memutuskan hubungan dagang dengan dunia luar, sedangkan kawalan itu hanya minimum dan pelabur masih bebas membuat pelaburan.

Ditanya seorang peserta mengenai kemungkinan Malaysia mengkaji dasar

pandang ke Timur berikutan ekonomi Jepun tidak sekuat dulu, Dr Mahathir berkata, Malaysia akan terus menjadikan Jepun sebagai model, terutama dari segi etika kerja dan pengurusan.

"Begitu juga sekarang, Malaysia perlu belajar dari kesilapan Jepun supaya tidak melakukan kesalahan serupa," katanya.

(END)